

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Filem adalah satu media yang popular di negara ini. Pada awalnya, industri filem tidak berkembang sebagai satu industri yang besar. Industri filem Melayu mula menampakkan tanda perkembangan pada tahun 1960-an.¹ Sejarah pembikinan filem berasal dari penemuan konsep imej bergerak didahului oleh seorang jurugambar British, Eadweard Muybridge. Pada tahun 1887, beliau telah berjaya merakam gambar siri kuda yang sedang berlari.² Di Malaysia industri filem diimport dari Hollywood, Hong Kong, India, Indonesia dan negara-negara lain.³ Buktinya dalam tahun 70-an, setiap tahun lebih kurang 2,000 buah filem telah diimport ke negara ini.⁴

Dalam membincangkan definisi filem, ia mempunyai dimensi pentakrifan dan ruang lingkup kontekstual yang luas.⁵ Banyak pengertian tentang filem telah diberikan.⁶ Ini kerana filem ialah sebuah wahana kreatif yang bersifat perbincangan (*discursive*),

¹ Mansor Ahmad Saman (1983), *Satu Kumpulan Esei: Media di Malaysia*, Cet. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Hlm. 11.

² Muhammad Hatta Muhammad Tabut (2006), "Liku-liku Pembikinan Filem", Dalam Mohamad Md. Yusoff et al. (Eds.), *Dinamika Media Dan Masyarakat Malaysia*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, Hlm. 127.

³ Mansor Ahmad Saman (1983), *Op.Cit.*

⁴ Lihat lidah pengarang Berita Minggu (17 April, 1977)

⁵ Ismail Abdullah (2009), *Seni Budaya Media dan Konflik Jati Diri*, Cet. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Hlm. 148.

⁶ Naim Haji Ahmad (2010), "Ke Arah Membentuk Definisi dan Konsep Filem Islam", (Kertas Persidangan Bengkel *Fiqh* Penyiaran di Institut Latihan Islam Malaysia, 6 Jun 2010), Hlm. 1.

serta melibatkan idea dan pemikiran, analisis, kritikan, fungsi, matlamat dan pelbagai-bagai kemahiran dan kepakaran.⁷

Antara takrif yang diberikan ialah filem diertikan sebagai imej yang terhasil dalam bentuk visual bergerak yang mengandungi unsur-unsur penceritaan yang ditulis, diolah dalam bentuk dialog, visual dan bunyi, yang kemudiannya dirakamkan menggunakan kamera, diolah dengan menggunakan berbagai-bagai kepentingan dan matlamat untuk dipamerkan secara tayangan di panggung-panggung wayang dan televisyen.⁸

Filem juga boleh diertikan sebagai hasil garapan pelbagai seni yang memaparkan cerita dan cermin kepada budaya masyarakat tertentu; pemikiran dan cetusan perasaan pembikinannya; sebuah cerita tentang kehidupan yang tidak terbatas kepada manusia sahaja, sama ada cerita itu benar, khayalan atau cerita yang telah diubahsuai atau dipadankan; dan kesatuan bingkai-bingkai yang telah digarap secara harmoni menjadi syot, kesatuan syot-syot menjadi jujuk, kesatuan jujuk menjadi babak dan seterusnya kesatuan babak-babak menjadi sebuah teks atau cerita.⁹

Dari pentakrifan di atas boleh disimpulkan bahawa filem merupakan hasil produk teknologi,¹⁰ produk budaya siber,¹¹ dan produk seni media baru.¹² Dan secara

⁷ Ismail Abdullah (2009), *Op. Cit.*

⁸ Anisah Sarji et al. (1996), *Pola Pengamalan Profesionalisme dalam Industri Filem Malaysia*, Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Hlm. 5.

⁹ Naim Haji Ahmad (2010), *Op. Cit.*, Hlm. 1-2.

¹⁰ Ismail Abdullah (2009), *Op. Cit.*, Hlm. 84.

¹¹ *Ibid*, Hlm. 107.

¹² *Ibid*, Hlm. 123.

umumnya filem mempunyai tiga peranan utama iaitu memaklumkan, mempengaruhi dan menghiburkan.¹³

1.2 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Dalam membahaskan tentang sesebuah filem, perlu diketahui bahawa ia merupakan suatu alat pandang dengar sahaja. Ia boleh dipergunakan untuk apa sahaja bagi tujuan menyampaikan maklumat, mendidik atau menghibur.¹⁴ Ini kerana ia mempunyai pengaruh yang kuat dan secara langsung mampu mencorakkan tingkah laku orang ramai. Utusan yang datang daripadanya dianggap sebagai peluru ajaib, kerana mempunyai kuasa yang mampu mencorakkan pendapat awam dan tingkah laku orang ramai mengikut kehendak komunikator.¹⁵

Media-massa seperti filem amat berguna dalam menyampaikan dakwah serta mengajak manusia kepada Allah s.w.t. termasuk ajaran Rasulullah s.a.w. Ia bukan sahaja dapat memberi faedah yang amat berguna pada umat Islam seluruhnya, malah ia dapat memberi peluang kepada golongan yang bukan beragama Islam bagi memahami agama Islam.¹⁶

Kesan daripada sumbangan ini menyebabkan banyak perbincangan dan kajian filem telah dilakukan. Antaranya adalah berkaitan filem Islam. Apabila dikaitkan dengan

¹³ L. John Martin dan Anju Grover Chaudhary (1997), *Sistem Media Massa Suatu Perbandingan* Bukhory Haji Ismail (terj.), Cet. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Hlm. 15.

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ Samsuddin A. Rahimin (2003), *Komunikasi Asas*, Cet. 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Hlm. 61-62.

¹⁶ Noor Shakirah Mat Akhir (2006), "Dakwah dan Cabaran Teknologi Maklumat", Dalam Mohamad Md. Yusoff et al. (Eds.), *Isu Dan Cabaran Media Di Malaysia*, Pulau Pinang: Penerbitan Universiti Sains Malaysia, Hlm. 2.

filem Islam, biasanya perbincangan bagi melihat definisi filem Islam serta kaitannya dengan beberapa perkara yang ada hubung kait dengan Islam. Sebagai contoh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), TV Al-Hijrah dan Persatuan Pengarah Filem Malaysia (FDAM) pernah mengadakan *Bengkel Fiqh Penyiaran*. Dalam bengkel tersebut masing-masing cuba membentuk satu definisi dan memperkatakan konsep-konsep yang terdapat dalam pengertian filem Islam yang diberikan secara menyeluruh.¹⁷ Selain itu terdapat juga perbincangan dalam bentuk penulisan seperti hasil pemikiran Naim Haji Ahmad dalam bukunya *Filem Islam Satu Pembicaraan*. Buku ini turut membincangkan berkaitan corak filem Islam, nilai serta etika dalam fasa penerbitan filem Islam dan tujuan filem Islam.¹⁸

Walaupun telah banyak perbincangan berkaitan filem Islam telah dilakukan tetapi masih ada sesetengah penggiat filem di luar sana yang masih menolak pentakrifan ini.¹⁹ Bagi mereka ‘filem adalah filem’, bagaimana mungkin satu produk hendak dikaitkan dengan Islam.²⁰ Ada juga sesetengah penggiat filem tidak mentakrifkan sebagai filem Islam tetapi sebagai filem dakwah,²¹ sedangkan matlamat filem dakwah tidak akan tercapai selagi mana mereka masih keliru dengan maksud filem Islam. Hal ini kerana mana mungkin sebuah produk yang ada unsur-unsur haram mampu menjadi medium dakwah.

¹⁷ *Berita Harian*, Jun 22, 2010, “Buat Filem Juga Dakwah”.

¹⁸ Naim Haji Ahmad (2011), *Filem Islam Satu Pembicaraan*, Shah Alam: Uni-N Production Sdn. Bhd.

¹⁹ Ahmad Faizal Hussien, Penggiat Filem, Temu bual pada 24 Mac 2011. Dan Jef Hazimin, Penggiat Filem, Temu bual pada 24 Mac 2011.

²⁰ *Ibid.*

²¹ *Ibid.*

Penolakan dan pertikaian bukan setakat berkaitan pentakrifan filem Islam, malah ada sesetengah penggiat filem takut hendak bekerjasama dengan golongan agamawan. Bagi mereka jika mahu bekerjasama maka golongan agamawan perlulah berfikiran terbuka serta menerima 'filem hanyalah filem'.²² Walau bagaimanapun mereka masih menerima keterlibatan golongan agamawan dalam penulisan skrip, pengolahan skrip dan melakonkan watak yang bersesuaian.²³ Perasaan takut ini berlaku kerana mereka masih ragu terhadap sumbangan golongan agamawan terhadap industri filem. Malah mereka melihat golongan agamawan ini sering mengharamkan sesuatu perkara yang mungkin boleh mengongkong mereka dalam menghasilkan filem yang berkualiti.²⁴

Kesan yang boleh kita nampak adalah lambakan filem-filem Malaysia yang penuh dengan perkara-perkara mungkar. Sebagai contoh kita boleh lihat dalam filem *Jalan Kembali Bohsia 2*. Filem ini penuh dengan aksi sosial yang melampau dan dialog yang dilontarkan pelakon begitu kasar serta kurang sesuai didengari.²⁵ Pengarah filem ini menyarankan agar penonton jangan melihat aksi negatif saja.²⁶ Mana mungkin perkara ini boleh dikawal sedangkan umur penonton terdiri dari pelbagai peringkat. Walaupun filem ini di klasifikasi sebagai P13 (penonton berumur di bawah 13 tahun memerlukan pengawasan dan bimbingan ibu bapa atau penjaga ketika menonton) yang diberikan Lembaga Penapisan Filem²⁷ namun ia tetap boleh memberi kesan negatif ke atas remaja. Ini kerana pengaruh budaya popular seperti

²² Ahmad Faizal (2011), *Op. Cit.*

²³ Jef Hazimin (2011), *Op. Cit.*

²⁴ Ahmad Faizal (2011), *Op. Cit.*

²⁵ *Berita Harian*, Mei 23, 2012 "Pengarah Rayu Jangan Lihat Aksi Negatif Saja".

²⁶ *Ibid.*

²⁷ *Ibid.*

filem amat kuat khususnya terhadap generasi muda. Masalah sosial di kalangan remaja seperti pergaulan bebas, jenayah dadah, gengsterisme dan sehingga ke peringkat kepercayaan seperti Islam fobia serta murtad dikaitkan dengan filem.²⁸

Sumbangan golongan agamawan ke atas filem sepatutnya tidak boleh dinafikan. Sebagai contoh dalam pembikinan filem *Ketika Cinta Bertasbih*. Pembikinan filem ini melihatkan secara langsung keterlibatan golongan agamawan iaitu Habiburrahman El-Shirazy. Beliau merupakan seorang sarjana al-Azhar.²⁹ Dalam pembikinan filem ini beliau turut terlibat dalam penulisan skrip, mengawal cerita, pemilihan artis, proses penggambaran dari mula sehingga akhir dan turut berlakon dalam filem tersebut.³⁰ Filem ini telah membuktikan kejayaan dengan belanjawan filem termahal Indonesia iaitu RM14 juta dan telah ditayangkan di 148 pawagam di seluruh negaranya.³¹ *Ketika Cinta Bertasbih* merupakan filem Indonesia terlaris tahun 2009 dengan jumlah penonton 3 juta orang. Kemudian diikuti sambungannya filem *Ketika Cinta Bertasbih 2* yang berhasil meraih 1.5 juta penonton.³²

Kehebatan dan keistimewaan filem ini telah memberi kesan ke atas pelakon dan juga penonton filem tersebut. Oki Setiana Dewi³³ sendiri mengakui bahawa filem *Ketika Cinta Bertasbih* bukan hanya sebuah naskah biasa dan bukan hanya tempat kerja

²⁸ Hassan Hayastani (2009), "*Filem Sebagai Ar-Risalah: Metamorfosis Sinema Melayu*", (Kertas Persidangan Seminar Forum Sastera Popular Islam di Pusat Dagangan Dunia Putra, 26 April 2009).

²⁹ Habiburrahman El-Shirazy, Kajian ini Skrip Filem *Ketika Cinta Bertasbih*, Temu bual pada 31 Oktober 2012.

³⁰ *Ibid.*

³¹ *Ibid.*

³² Indonesia's Showbiz Insiders, <http://indoshowbizinsiders.weebly.com/box-office.html>, Diambil pada November, 28 2012.

³³ Kosmo, Hiburan, http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2011&dt=1016&pub=kosmo&sec=Hiburan&pg=hi_04.htm, Diambil pada November, 28 2012.

semata-mata tetapi ia juga merupakan tempat beliau menimba ilmu, memperbaiki akhlak dan menyelesaikan masalah.³⁴ Begitu juga dengan Kholidi Asadil Alam³⁵ beliau mengakui bahawa banyak mempelajari sifat-sifat positif daripada watak Azam. Beliau juga mengakui pengaruh filem ini amat besar, sehingga ada beberapa peminat memberitahu ingin menghantar anak mereka untuk belajar mendalami Islam. Sedangkan selama ini mereka tidak pernah terfikir berbuat begitu. Malah ada juga yang mahu menghantar anak mereka belajar ke Mesir.³⁶ Ini jelas membuktikan bahawa filem Islam mempunyai kehebatannya yang tersendiri.

Semua masalah ini boleh dielakkan jika penggiat filem benar-benar memahami kaedah-kaedah asas halal dan haram. Ini kerana sesuatu kaedah *fiqh* dapat digunakan untuk memahami begitu banyak permasalahan *fiqh* yang terangkum dalam pembahasannya. Ini akan memudahkan seseorang untuk mengetahui hukum-hukum *fiqh* tanpa harus menghafal sebuah permasalahan satu persatu.³⁷ Seperti kata al-Qarāfi, sesiapa yang menguasai *fiqh* melalui penguasaan kaedahnya, maka dia tidak perlu untuk menghafal semua permasalahannya satu-persatu kerana telah terangkum dalam keumuman kaedah tersebut.³⁸ Oleh itu jika mereka memahami kaedah-kaedah asas halal dan haram ini, Insya-Allah mereka sendiri akan dapat menilai yang mana yang haram dan mana yang halal, yang mana boleh dan yang mana perlu ditinggalkan.

³⁴ Beliau merupakan pelakon yang melakonkan watak wanita utama dalam filem *Ketika Cinta Bertasbih* iaitu watak Anna Althafunnisa.

³⁵ Beliau merupakan pelakon yang melakonkan watak lelaki utama dalam filem *Ketika Cinta Bertasbih* iaitu watak Abdullah Khairul Azzam.

³⁶ Kosmo, Hiburan, *Op. Cit.*

³⁷ Ahmad Sabiq Bin Abdul Lathif Abu Yusuf (2011), *Kaedah-Kaedah Praktis Memahami Fiqih Islami*, Cet. 2, Gresik: Pustaka Al Furqon, Hlm. 2.

³⁸ Al-Qarāfi (t.t), *al-Furūq*, Juz. 2, Beirut: Dār al-Kitāb al-ʿAlamīyah, Hlm. 115.

Walau telah banyak kajian filem telah dilakukan dan buku-buku berkaitan kaedah-kaedah asas halal dan haram telah banyak ditulis, tetapi kekurangannya ialah masih belum ada analisis kajian dilakukan ke atas mana-mana filem dengan berpandukan kepada kaedah-kaedah ini. Oleh kerana itu, kajian ini telah mengambil inisiatif bagi menganalisis kaedah-kaedah ini ke atas filem *Ketika Cinta Bertasbih*. Kajian ini memilih filem ini kerana ia berpotensi untuk dijadikan filem contoh dalam melahirkan filem Islam.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

1.3.1 Apakah kaedah-kaedah asas halal dan haram yang berkaitan dengan sesuatu filem.

1.3.2 Apakah latar belakang filem *Ketika Cinta Bertasbih*.

1.3.3 Apakah kaedah-kaedah asas halal dan haram yang dipatuhi dalam filem *Ketika Cinta Bertasbih*.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1.4.1 Menjelaskan kaedah-kaedah asas halal dan haram serta hukum-hukum yang berkaitan dengan filem.

1.4.2 Menganalisis latar belakang filem *Ketika Cinta Bertasbih*.

1.4.3 Menganalisis elemen filem *Ketika Cinta Bertasbih* dari sudut perspektif hukum Islam.

1.5 SKOP KAJIAN DAN LIMITASI KAJIAN

Secara khususnya kajian ini telah memilih filem *Ketika Cinta Bertasbih* dan filem *Ketika Cinta Bertasbih 2* sebagai bahan kajian. Dua filem tersebut merupakan filem yang dipetik dari novel hasil tulisan dan pemikiran Habiburrahman El-Shirazy iaitu novel *Ketika Cinta Bertasbih* dan novel *Ketika Cinta Bertasbih 2*.

Secara umumnya kajian ini memilih filem ini kerana ia merupakan hasil adaptasi dari pemikiran penulisan seorang sarjana al-Azhar iaitu Habiburrahman El-Shirazy.³⁹ Beliau turut terlibat dalam mengawal cerita, pemilihan artis, proses penggambaran dari mula sehingga akhir. Keistimewaan filem ini adalah ia mampu mengangkat nilai-nilai akhlak serta moral Islam.⁴⁰ Selain itu pemilihan filem ini dibuat bertujuan untuk menjadi contoh kepada penggiat filem dalam melahirkan filem Islam.

Dalam memfokuskan kajian, kajian ini melihat kepada unsur-unsur yang terdapat dalam elemen filem. Terdapat empat elemen penting yang mesti ada dalam sesebuah filem iaitu teks, watak, latar dan penonton.⁴¹ Berdasarkan kepada keempat elemen ini, maka skop analisis kajian tertumpu kepada dialog filem, skrip lagu, lokasi filem, cara penyampaian watak dan unsur pengajaran dalam filem. Kajian ini memilih

³⁹ Abdullah Yusof et al. (2010), "*Konsep Feminisme Islam di Dalam Filem Ketika Cinta Bertasbih*", (Kertas Persidangan Antarabangsa Islam Dalam Masyarakat Malaysia di Universiti Malaya, 5-6 Oktober 2010), Hlm. 43.

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ Naim Haji Ahmad (2011), *Op. Cit.*, Hlm. 82.

unsur-unsur ini kerana ia merupakan unsur yang sering terdapat dalam mana-mana elemen filem.

Skop ini akan dianalisis mengikut perspektif hukum Islam. Landasan hukum analisis kajian ini merujuk kepada kaedah-kaedah asas halal dan haram dalam buku *al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islām* karangan Yūsuf al-Qarāḏāwī. Kajian ini memilih karangan beliau kerana beliau merupakan ulama kontemporari, di mana perbincangan beliau banyak berkaitan persoalan semasa.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

1.6.1 Sebagai panduan untuk menilai sejauh mana sesebuah filem mampu dikategorikan sebagai produk halal.

1.6.2 Sebagai satu usaha dalam melahirkan masyarakat awam yang dapat memahami hukum yang berkaitan dengan filem.

1.6.3 Sebagai satu piawaian atau garis panduan dalam menghasilkan filem Islam.

1.7 SOROTAN LITERATUR

Kajian umum tentang konsep filem Islam sememangnya telah banyak dibuat oleh para penulis dan pemerhatian hukum Islam moden, sama ada berupa disertasi, buku, mahupun kertas kerja. Sebagai contoh ada yang mengkaji dari sudut pentakrifan

filem Islam, kesan filem terhadap penonton, filem dari sudut hukum, produk halal Islam, analisis filem dan kajian ke atas penonton filem. Kajian-kajian lepas berikut adalah seperti di bawah :

i) Pentakrifan Filem Islam

Kajian paling menyeluruh dan mendalam terlihat dalam kajian Naim Haji Ahmad.⁴² Dalam buku yang telah diterbitkan ini, beliau membicarakan dan mengemukakan satu pandangan tentang apakah yang dimaksudkan dengan ‘filem Islam’ dan hubungannya dengan beberapa perkara yang berkaitan dengan Islam. Pembicaraan ini juga membentuk satu definisi dan memperkatakan konsep-konsep yang terdapat dalam pengertian yang diberikan secara menyeluruh. Dengan penjelasan ini kajian ini dapat membezakan apa yang dimaksudkan dengan pengertian ‘filem Islam’ dengan ‘filem berunsur Islam’ serta filem-filem yang tidak termasuk ke dalam kedua-dua kumpulan ini atau dapat diistilahkan sebagai ‘filem mungkar’.

ii) Kesan Filem Terhadap Penonton

Tidak kurang juga terdapat penulisan serta kajian tentang kesan, peranan dan sumbangan filem. Seperti Zulkiple Abd Ghani di dalam bukunya yang telah diterbitkan ada membicarakan tentang sumbangan serta pengaruh filem dalam masyarakat.⁴³ Media filem mampu memberi kesan positif dan negatif terhadap penonton. Kesan-kesan ini biasanya dilihat dari segi pengaruhnya sebagai produk

⁴² *Ibid.*

⁴³ Zulkiple Abd Ghani (2010), *Dakwah Dalam Era Siber di Malaysia*, Cet. 1, Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

budaya siber atau komunikasi, produk hiburan masa kini serta sebagai produk pendidikan dan dakwah. Pengaruh ini mampu terjadi kerana filem merupakan salah satu daripada pembekal maklumat utama dan mempunyai pengaruh yang besar berikutan kedudukannya dalam membentuk agenda media iaitu mendidik, memaklumkan, menggalak, mempengaruhi dan menghiburkan. Apa yang diperolehi di sini ialah kajian ini dapat mengenali bagaimanakah yang dikategorikan sebagai filem dakwah.

iii) Filem Dari Sudut Hukum

Nyata, kajian tentang filem Islam sepatutnya tidak lagi berputar pada perbincangan konsep dan peranan filem Islam, kerana telah ramai pakar telah membincangkannya. Namun yang lebih penting ialah, bagaimana ia dapat diaplikasikan dengan pengembangan pemikiran hukum Islam moden. Natijahnya inilah yang mendorong pakar hukum Islam moden mencuba mencari peluang pengembangan dalam aspek hukum Islam moden secara terperinci. Contohnya, Yūsuf al-Qaradāwī dalam bukunya membahaskan hukum filem dari sudut halal dan haram.⁴⁴ Bagi beliau filem sama dengan kedudukan alat-alat yang lain, dapat dipergunakan untuk hal-hal kebaikan atau sebaliknya. Oleh itu beliau meletakkan beberapa syarat agar ia menjadi produk yang halal. Paling pentingnya beliau menyenaraikan dan membahaskan kaedah-kaedah asas hukum halal dan haram. Kaedah-kaedah ini yang akan menjadi teori dalam metode analisis kajian ini.

⁴⁴ Yūsuf al-Qaradāwī, (1997), *al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islām*, Kaherah: Maktabah Wahbah.

iv) Produk Halal Islam

Perbincangan hukum pada sesuatu produk sudah banyak dilakukan oleh pakar hukum Islam moden. Sebagai contoh, dalam buku *Zakat Produktif dalam Perspektif Hukum Islam* hasil tulisan Asnaini.⁴⁵ Buku ini merupakan tulisan semula dari tesis Sarjana beliau. Dari apa yang disimpulkan ialah sesuatu produk Islam perlu halal dan terhindar dari unsur yang haram. Malah sesuatu produk itu perlu mempunyai ‘aura’ dan ‘roh’ dalam melahirkan hubungan kita dengan Allah s.w.t dan hubungan sesama manusia. Maka tidak hairanlah mengapa golongan tradisionalis lebih berhati-hati dalam menerima sesuatu yang baru. Secara umumnya perbincangan ini dapat membantu kajian ini memahami apakah yang dimaksudkan dengan produk Islam.

v) Analisis Filem

Selain itu, terdapat beberapa kajian filem yang membicarakan tentang filem yang terpilih. Dengan membuat analisis yang teliti terhadap setiap satunya. Seperti dalam buku Anuar Nor Arai yang telah diterbitkan.⁴⁶ Dalam buku tersebut beliau membahagikan kepada tiga zaman iaitu zaman P. Ramlee, zaman kontemporari Malaysia dan filem luar lingkungan Malaysia seperti negara Filipina, China dan Jepun. Filem yang menjadi pilihan ini sering diperkatakan di seminar, forum dan sekolah perfileman di seluruh dunia. Kekuatan analisis ini terletak pada penelitian terhadap teknik, pemikiran, falsafah dan kemunasabahan sesuatu adegan dalam sesebuah filem. Cuma kekurangan analisis ini adalah kaitannya dengan hukum Islam.

⁴⁵ Asnaini (2008), *Zakat Produktif dalam Perspektif Hukum Islam*, Cet. 1, Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

⁴⁶ Anuar Nor Arai (2007), *Kumpulan Esei dan Kritikan Filem*, Cet. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Walau bagaimanapun ia amat penting bagi membantu kajian ini melihat bagaimana sesebuah filem itu dianalisis.

vi) **Kajian Ke Atas Penonton Filem**

Selain dari menganalisis sesebuah filem, terdapat kajian yang dilakukan ke atas khalayak atau penonton. Sebagai contoh boleh dilihat di dalam penulisan Fauziah Kartini Hassan Basri dan rakan-rakannya.⁴⁷ Buku ini menyatakan bahawa khalayak bersifat heterogen, yakni mempunyai pelbagai segi tingkah laku, cita rasa, persepsi dan harapan terhadap sesebuah filem. Lantaran itu, penggiat industri filem perlu memahami bahawa khalayak tidak mencari filem, malahan filemlah yang harus mencari khalayaknya. Dengan kata lain, sesebuah filem mesti mengenal pasti khalayaknya bukan sahaja dari sudut teksnya, tetapi strategi pameran dan pengedarannya. Secara tidak langsung perbincangan ini dapat membantu kajian ini melihat apakah sebenarnya yang khalayak mahu terhadap dari sesuatu filem.

Secara ringkasnya, sorotan kajian lepas yang dilakukan secara mantap, teliti dan terperinci ini telah membantu kajian ini bagi memperoleh maklumat yang lengkap mengenai penyelidikan-penyelidikan berkaitan yang dijalankan dan membantu menjuruskan penyelidikan yang dirancang. Sorotan ini juga akan memudahkan proses dan memendekkan tempoh proses pengkajian berikutnya. Hal ini kerana kajian ini telah mendapat gambaran yang jelas tentang sumber, jenis data, kaedah pengumpulan data dan dapat mengenal pasti sampel kajian dengan tepat. Malah ia

⁴⁷ Fauziah Kartini Hassan Basri et al. (2009), *Penonton Filem Cereka Di Malaysia: Tingkah Laku, Citrarasa, Persepsi Dan Harapan*, Cet. 1, Ampang: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).

juga telah mempunyai kekuatan teori yang akan membantu mereka dalam proses mengolah dan menganalisis data yang terkumpul itu.

1.8 METODE KAJIAN

Dalam menyediakan dan menyiapkan kajian ini telah menggunakan beberapa metodologi yang tertentu bagi mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan. Kajian ini melibatkan penggunaan beberapa metode iaitu:

1.8.1 METODE PENGUMPULAN DATA

Metode ini digunakan untuk memperoleh maklumat-maklumat yang tepat, konkrit dan sesuai dengan masalah yang dikaji di samping untuk memastikan mempunyai nilai dari segi objektif dan validasinya. Dalam usaha mengumpul data-data ini kajian ini menggunakan metode :

i) Metode Penyelidikan Perpustakaan

Metode ini merupakan satu proses yang melibatkan usaha-usaha mencari dan mengumpul data dan fakta yang berkaitan dengan masalah kajian. Ia adalah teknik yang mana seorang pengkaji mendapat data, maklumat dan bukti yang bertepatan subjek kajian melalui terhadap dokumen dan rekod.⁴⁸ Oleh itu metode ini amat penting bagi kajian ini dalam usaha untuk mengumpulkan data-data dan maklumat yang berkaitan dengan objektif kajian.

⁴⁸ Mohd Shafie Abu Bakar (1991), *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang-Bidang Berkaitan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Hlm. 17.

Dalam usaha untuk mengumpulkan data-data dan maklumat ini, penulis telah pergi ke beberapa perpustakaan. Di antara perpustakaan ini ialah:

- a) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- b) Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
- c) Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya.
- d) Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- e) Perpustakaan Awam Pusat Islam.
- f) Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- g) Perpustakaan Universiti Teknologi Mara.

Kajian perpustakaan ini diperlukan bagi mencari dokumen-dokumen yang berkaitan. Secara umumnya dokumen yang digunakan adalah dari sumber pertama dan sumber kedua. Dokumen-dokumen ini ialah al-Quran, Hadis, tesis, jurnal, buku, majalah, kertas kerja persidangan dan bahan-bahan penulisan yang mempunyai hubung kait dengan kajian penuh.

ii) Metode Observasi

Metode Observasi dikenali juga sebagai Metode Pemerhatian. Jika dilihat dalam Islam, pemerhatian sering digalakkan oleh Quran supaya dapat dijadikan pengajaran kepada manusia dan menjadi sumber kepada pengesahan maklumat.⁴⁹

⁴⁹ Ahmad Sunawari Long (2008), *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, Cet. 4, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Hlm. 51.

Firman Allah s.w.t.:

أَوَلَمْ يَنْظُرُوا فِي مَلَكُوتِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ مِنْ شَيْءٍ

Maksudnya: *Mengapa mereka (mebutakan mata) tidak mahu memperhatikan alam langit dan bumi dan segala yang diciptakan oleh Allah s.wt.*

(*al-`Araf* (7): 185)

Ia juga merupakan suatu pemerhatian yang dilaksanakan ke atas satu keadaan yang telah dikenal pasti hasil dari satu perancangan yang teliti. Pemerhatian ini akan menghasilkan satu deskripsi terperinci tentang keadaan berkenaan bagi membolehkan penyelidik memahami secara mendalam.⁵⁰

Sehubungan itu, kaedah pemerhatian adalah salah satu kaedah yang penting dalam mendapatkan data. Hal ini kerana ia mempunyai tiga kelebihan iaitu penyelidik dapat memerhati secara langsung tingkah laku subjek kajian, dapat mengelak daripada kesilapan tanggapan memberi tafsiran serta membuat kesimpulan dan menerokai isu secara mendalam dan berkemungkinan memperoleh maklumat di luar jangkaan.⁵¹

Justeru itu, metode ini membantu kajian ini dalam memberikan penilaian terhadap filem *Ketika Cinta Bertasbih* khususnya ketika mengamati skrip, lakonan dan penyampaian filem yang dikaji. Penulis telah melakukan observasi dengan menonton sendiri filem *Ketika Cinta Bertasbih* dan filem *Ketika Cinta Bertasbih 2*. Observasi ini penting untuk mendapatkan maklumat mengenai sinopsis sebenar filem *Ketika Cinta Bertasbih* bagi memahami latar belakang filem dan jalan cerita filem yang dianalisis.

⁵⁰ Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*, Cet. 1, Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., Hlm. 74.

⁵¹ Ahmad Sunawari Long (2008), *Op. Cit.*, Hlm. 52.

iii) Metode Temu bual

Metode temu bual adalah sebagai interaksi sosial di antara penemu bual (*interviewer*) dengan yang ditemu bual (*interviewee*). Interaksi sosial ini bertujuan untuk mendapatkan sebanyak mungkin maklumat dari *interviewee* dan tidak ada unsur hiburan serta paksaan.⁵² Ia juga merupakan kaedah secara langsung bagi memperoleh maklumat berbentuk pandangan daripada responden. Temu bual ini berlaku dalam bentuk dua hala atau *face to face* (berdepan) dengan responden atau sebaliknya apabila temu bual dilakukan melalui telefon atau internet.⁵³

Maklumat melalui temu bual terhasil apabila terdapatnya maklumat yang dicari, kefahaman yang jelas daripada responden dan adanya motivasi mereka untuk menjawab. Maklumat temu bual direkodkan melalui rakaman audio video, catatan nota dan *email*.⁵⁴

Dalam penggunaan metode ini, kajian ini akan menemu bual beberapa responden. Hasil melalui temu bual ini amat penting bagi membantu dalam membuat analisis hukum serta kesimpulan terhadap kajian. Ia juga mungkin mempunyai beberapa fakta penting dalam menyiapkan kajian. Individu-individu yang ditemu bual ialah:

⁵² Idris Awang (2009), *Op. Cit.*, Hlm.71.

⁵³ Ahmad Sunawari Long (2008), *Op. Cit.*, Hlm.62.

⁵⁴ *Ibid.*

a) **Temu bual secara berdepan:**

- i. Profesor Dr. Naim Haji Ahmad (Pensyarah di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia dan Pensyarah Jemputan di Fakulti Filem dan Video, Akademi Budaya dan Warisan Kebangsaan).
- ii. Profesor Madya Dr. Abu Hassan Bin Hasbullah (Pensyarah di Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya).
- iii. Abu Hassan Morad (Pengarah Filem)
- iv. Ahmad Faizal Bin Hussin dan (Penggiat Filem)
- v. Jef Hazimin Jaafar (Penggiat Filem).

b) **Temu bual secara *email*:**

- i. Chaerul Umam (Pengarah filem *Ketika Cinta Bertasbih*)
- ii. Habiburrahman El-Shirazy (Penulis skrip filem *Ketika Cinta Bertasbih*)

Temu bual bersama Profesor Dr. Naim Haji Ahmad, Profesor Madya Dr. Abu Hassan Bin Hasbullah, Abu Hassan Morad, Ahmad Faizal Bin Hussin dan dan Jef Hazimin Jaafar dilakukan secara bersemuka, iaitu dengan merakamkan sesi temu bual. Manakala temu bual bersama Chaerul Umam dan Habiburrahman El-Shirazy dilakukan secara jauh, iaitu dengan menggunakan *email*. Oleh itu maklumat yang diperoleh dari kedua-dua responden ini agak terbatas, malah jawapan yang diberikan agak pendek dan memakan masa yang lama untuk responden membalas jawapan.

iv) **Metode Analisis Teks**

Metode ini merupakan salah satu daripada cabang kajian tekstual berasaskan teks yang boleh dikategorikan kepada analisis teks, hermenutik, suntingan teks, alih bahasa, perbandingan dan intertekstualiti.⁵⁵ Justeru itu, kajian ini telah memilih metode ini kerana ia bertepatan dengan klasifikasi yang di dasarkan dalam tajuk disertasi ini.

Analisis teks juga dikenali sebagai analisis kandungan teks yang boleh dilakukan sama ada secara kuantitatif mahupun kualitatif. Berdasarkan teks yang ingin kajian ini kaji maka kajian ini memilih analisis kandungan teks kualitatif. Dengan meneliti dan menganalisis teks secara kualitatif, kajian ini mampu mengesan bentuk pemikiran serta kaedah-kaedah yang digunakan untuk menjelaskan atau menentukan sesuatu perkara.⁵⁶

Teks yang dianalisis dalam kajian ini merupakan sebuah himpunan hasil penelitian kajian ini terhadap dialog filem, skrip lagu, lokasi filem dan cara penyampaian watak yang menjadi skop kajian ini. Hasil analisis teks ini penulis hamparkan dalam bab empat. Dan dari bab empat terhasilnya kesimpulan dalam bab lima yang juga merupakan hasil analisis kajian ini.

⁵⁵ Idris Awang (2009), *Op. Cit.*, Hlm. 32.

⁵⁶ *Ibid.*, Hlm.32.

1.8.2 ANALISIS DATA

Setelah segala maklumat dan data diperoleh dan terkumpul, penulis akan memastikan terlebih dahulu sumber semua data dan maklumat itu diperoleh berautoriti. Kemudian proses mengolah, menganalisis dan membuat kesimpulan terhadap setiapnya dilakukan pula berdasarkan beberapa metode-metode di bawah:

i) Metode Induktif

Metode induktif merupakan proses pemahaman masalah kajian atau mencari penyelesaian berlaku secara generatif atau berterusan di mana maklumat dikumpulkan dan terus dikumpulkan sehingga terjawab masalah itu atau dirumuskan penyelesaiannya.⁵⁷ Dengan kata lain proses ini sama seperti membina sebuah piramid dengan menyusun batu-bata satu-persatu sehingga terbina bangunan itu.⁵⁸

Oleh kerana itu, kajian ini memilih metode ini dalam membuat kesimpulan pada setiap bab terutamanya pada bab satu, dua dan tiga. Kesimpulan ini nanti bagi membentuk teori penyelesaian yang akan digunakan dalam bab empat.

ii) Metode Deduktif

Metode deduktif merupakan kaedah pembuktian yang digunakan berdasarkan pola berfikir untuk menganalisis data dengan menghasilkan kesimpulan dan rumusan yang khusus daripada data-data yang bersifat umum. Metode ini juga berfungsi untuk

⁵⁷ *Ibid.*, Hlm.101.

⁵⁸ *Ibid.*

menjelaskan sesuatu persoalan terhadap permasalahan-permasalahan yang timbul dengan lebih terperinci.⁵⁹

Berasaskan pendekatan metode ini, penulis gunakan teori atau rumusan dari bab satu, dua dan tiga sebagai rangka kerja untuk melaksanakan analisis kajian ini. Maka dengan itu, teori ini perlu difahami secara mendalam kemudian disesuaikan atau dipadankan dengan masalah kajian. Metode ini digunakan sepenuhnya dalam bab empat dan lima supaya huraian yang terhasil bermutu dan jelas.

⁵⁹ Nabilah Mohd Razif (2012), “*Unsur-unsur Islam dalam Drama TV Bersiri: Kajian Terhadap Drama Nur Kasih*”, (Tesis Master, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).